# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 1 DISEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br>8.<br><br>9.<br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br>14.<br>15. | SAMBUTAN HPPNK 2019 LUAR BIASA!, NASIONAL, SH -5<br>NASIB PELADANG, PETANI TERBELA, NASIONAL, SH -6<br>MYFSI, KEMPEN DUITNOW DILANCAR, NASIONAL, SH -13<br>MOA LANCAR PELAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KELULUT NEGARA 2020-2030, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>AGRICULTURE MINISTER RECOMMENDS DEVELOPMENT BLUEPRINT, CALLS FOR REARING OF STINGLESS BEES, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B4b<br>AGRICULTURE MINISTER: STINGLESS BEE HONEY CAN GO TO INTERNATIONAL, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4<br>PERKASA INDUSTRI LEBAH NEGARA, NASIONAL, SH -12<br>MOA LAUNCHES NATIONAL KELULUT HONEY DEVT PLAN, HOME, BORNEO POST (KK) -6<br>MOA PERKASA INDUSTRI LEBAH NEGARA, NEWS, SH -7<br>STINGLESS BEE HONEY HAS MASSIVE BUSINESS POTENTIAL, NATION, CHINA PRESS -A9<br>THREE CATEGORIES OF GRAND PRIZE FOR AGRICULTURAL YIELD COMPETITION, NATION, CHINA PRESS -A9<br>GOVERNMENT TO PROMOTE STINGLESS BEE HONEY INDUSTRY, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A6<br>RIBUAN PENGUNJUNG LAWAT 350 GERAI, SETEMPAT, METRO AHAD -13<br>HPPNK 2019 MEDAN PERKENAL PRODUK BAHARU, NASIONAL, BH AHAD -7<br>PANDUAN KE ARAH PENTERNAKAN LEBIH BAIK, NASIONAL, SH -12 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 16. | PERTANIAN 4.0, SETEMPAT, METRO AHAD -12 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 17. | SOME 200KG BOMBED FISH SEIZED FROM SAFMA MARKET, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -10 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 18. | PENYUSUNAN SEMULA PULIH OPERASI, PERNIAGAAN NAFAS, NASIONAL, BH AHAD -1,12,13 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 19. | PROMOSI LAPAN SPESIES IKAN, SETEMPAT, METRO AHAD -11 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Sambutan HPPNK 2019 luar biasa! | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 5 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 764 cm² |
| Journalist | Asmaliza Mansor | AdValue | RM 16,197 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 48,590 |

[redacted]



Pengunjung membeli jeruk buah-buahan yang dijual di Laman Agro Niaga.

FOTO: ZAHID IZZANI



Timbalan Ketua Setiausaha Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haslina Abdul Hamid (kiri) menyampaikan hadiah kepada pengunjung ke-250,000 HPPNK 2019 malam kelmarin.

# Sambutan HPPNK 2019 luar biasa!

ASMALIZA MANSOR

JOHOR BAHRU

Penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 (HPPNK) 2019 mendapat sambutan luar biasa daripada orang ramai.

Sejak jam 8 pagi, tapak ekspo itu mula dipenuhi pengunjung yang tidak mahu melepaskan peluang untuk melihat lebih dekat penganjuran HPPNK 2019 yang berlangsung selama empat hari bermula 28 November dan berakhir hari ini di Padang A dan B Angsana Johor Bahru Mall di sini.

Nilai jualan dijangka mencecah RM30 juta yang dijana daripada pembelian oleh lebih 500,000 pengunjung termasuk dari Singapura, selain peluang padanan perniagaan membabitkan peserta dan syarikat luar.



Pengunjung cilik menyertai pertandingan *beyblade* yang dianjurkan sempena HPPNK 2019.



Malam Budaya dan Senitani yang menampilkan persembahan kebudayaan seperti zapin, pulsi, sajak, syair, teater *Menunggu Kata Dari Tuhan*, angklung dan konsert.



Aktiviti yang dijalankan sepanjang empat hari HPPNK 2019 berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall.



Pengunjung cilik tertarik melihat replika kapal yang dipamerkan di ruang HPPNK 2019.




Forum Perdana Ehwal Islam menampilkan panel berwibawa terdiri daripada Datuk Ahmad Badlishah Alaudin, Ustaz Ghazali Ibrahim, Sahibus Samahah Datuk Yahya Ahmad dan Mohd Hariri Mat Daud sebagai moderator. Forum berkenaan disiarkan secara langsung dari tapak HPPNK 2019 di Angsana Johor Bahru Mall.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nasib peladang, petani terbela | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 6 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 393 cm² |
| Journalist | NUR FARHANA ABDUL MANAN | AdValue | RM 8,332 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,995 |



# Nasib peladang, petani terbela

***MOA pastikan peruntukan disalur dengan penuh tanggungjawab***

NUR FARHANA ABDUL MANAN

JOHOR BAHRU

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan terus memastikan setiap peruntukan dan bantuan disediakan kementerian berkenaan disalurkan dengan penuh tanggungjawab.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau juga berjanji akan terus membela dan memperjuangkan nasib peladang serta petani di seluruh negara.

"Selagi hayat dikandung badan, saya akan buat yang terbaik untuk membela dan memperjuangkan peladang serta petani. Itulah janji dan keutamaan saya apabila diamanahkan sebagai menteri di kementerian yang besar ini.

"Saya sedar perjuangan ini masih belum selesai, malah cabarannya masih berliku," katanya ketika berucap di depan lebih 700 Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang sekitar Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor pada Perhimpunan Pemimpin Peladang Zon Selatan Tahun 2019 sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Mall Johor Bahru di sini semalam.

FOTO: ZAHID IZZANI



Salahuddin (dua dari kiri) melancarkan Cuti-Cuti Peladang 2020 pada Perhimpunan Pemimpin Peladang Zon Selatan Tahun 2019 sempena HPPNK 2019 di Angsana Mall Johor Bahru semalam.

Perhimpunan pertemuan dua hala antara kepimpinan tertinggi MOA serta pemimpin di bawah Pertubuhan Peladang itu sebagai platform kementerian menjelaskan dasar kerajaan, sekali gus memberikan ruang pemimpin di bawah Pertubuhan Peladang menyuarakan permasalahan mereka.

Penganjurannya semalam juga bagi memberi kefahaman kepada pemimpin Peladang di semua peringkat berkaitan dasar dan hala tuju baharu yang diperkenalkan MOA.

Sementara itu, Salahuddin berkata, beliau akan memastikan struktur agensi di bawah kementerian sentiasa diperkukuhkan.

"Saya akan menghabiskan sebahagian sisa hidup bersama peladang dan petani membela nasib mereka dan akhirnya berupaya meningkatkan pendapatan mereka.

"Saya juga mahu melihat Pertubuhan Peladang dapat dimajukan," katanya.

Menurutnya, terdapat sebahagian Pertubuhan Peladang yang menunjukkan kecemerlangan dalam urus tadbir dan perniagaan yang dijalankan.

Namun, katanya ada sebahagiannya yang masih bergelut untuk memajukan pertubuhan masing-masing.

"Tahun depan kita akan cuba melaksanakan dua atau tiga projek perintis dan saya berharap koperasi di bawah Peladang dapat berfungsi dengan baik.

Dalam pada itu, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman berkata, menerusi himpunan berkenaan, Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang bukan sahaja boleh mendapatkan input daripada amanat yang disampaikan menteri, malah pada masa yang sama mendekatkan hubungan dua hala.

Menurutnya, pihaknya kini dalam proses memperkasakan Unit Peladang dan mencari jalan untuk memperkuatkan sektor pertanian yang berdepan cabaran hebat ketika ini.

"Kita akan melancarkan beberapa program termasuk Cuti-Cuti Peladang 2020, program kebajikan *back to school* untuk anak-anak ahli Peladang yang berada dalam kategori asnaf dan melancarkan agro pertanian dalam konteks institusi pendidikan Islam," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MyFSI, Kempen DuitNow dilancar | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 13 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 773 cm² |
| Journalist | Asmaliza Mansor | AdValue | RM 16,388 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,163 |

[redacted]




Salahuddin (tiga dari kanan) melancarkan Kempen DuitNow di Laman Agro Niaga semalam.



Demonstrasi memasak oleh Chef Naim di reruai Dari Dapur MySeafood.

# MyFSI, Kempen DuitNow dilancar



Salahuddin (tiga dari kiri) melancarkan MyFSI di pentas mini Laman Utama semalam.

ASMALIZA MANSOR
FOTO: ZAHID IZZANI

JOHOR BAHRU



Demonstrasi masakan QFish bersama Chef Anis Nabilah.

Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang berlangsung selama empat hari di Angsana Johor Bahru Mall di sini semalam.

Antara acara tersebut termasuklah pelancaran Sistem Aplikasi Mobile (MyFSI) oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub di reruai Dari Dapur MySeafood.

Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan itu dibangunkan secara bersama oleh Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

MyFSI mula beroperasi pada 2011 dan memberikan manfaat kepada seramai 30,000 nelayan di seluruh negara.

Objektif MyFSI adalah untuk meningkatkan keberkesanan penyebaran maklumat lokasi penangkapan ikan dan cuaca lautan secara lebih cepat dan mesra pengguna.

Pada hari sama, Salahuddin turut melancarkan Kempen DuitNow di Laman Agro Niaga yang berperanan sebagai medium yang signifikan untuk menggalakkan penerimaan wang secara elektronik dalam kalangan peladang, penternak dan nelayan.

Kempen DuitNow berlangsung sejak hari pertama HPPNK 2019 dan menawarkan hadiah kepada pengunjung bertuah berupa motosikal Yamaha 15.



Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salim Parlan (tiga dari kiri) melancarkan logo baharu QFish semalam.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOA, Datuk Haslina Abdul Hamid (kiri) dan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Tosrin Jarvanthi (dua dari kiri) melihat Chef Anis Nabilah menyediakan menu menggunakan produk QFish.





Pengunjung HPPNK 2019 melihat ikan tuna yang dipamerkan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA lancar pelan pembangunan industri kelulut negara 2020-2030 | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# MOA lancar pelan pembangunan industri kelulut negara 2020-2030

PENYERAHAN: Datuk Seri Salahuddin (dua kanan) menyerahkan buku pelan pembangunan industri kelulut negara 2020-2030 kepada Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salim Parlan sebagai tanda pelancaran Pelan Pemb...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister recommends development blueprint, calls for rearing of stingless bees | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | Supplement | Circulation | 59,667 |
| Page No | B4b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 87 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 409 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,226 |



## 农长推介发展蓝图

# 吁养银蜂充持续收入

（新山30日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁今天（30日）推介《2020-2030年国家银蜂蜜发展蓝图》，推介饲养银蜂作为新的可持续收入来源。

他说，目前全国有717名企业家参与银蜂饲养行业，这个蓝图将协助蜂农拓展全球市场从而提高收入。

他说，农业局与大马农业与发展研究院（MARDI）、登嘉楼大学（UMT）、大马基因研究院（MGI）和大马银蜂学院（AKM）专家以及业者合作拟定该蓝图。

"我们专注推动银蜂蜜业发展，为了体现我们正视此事，我们已制定《2020-2030年发展蓝图》协助业者们，因为我们知道科学研究证明银蜂蜜对健康有利。"

"因此这当中的商机有待民众尤其是青年世代发掘。"

沙拉胡丁今天在银蜂蜜业发展蓝图和大马良好农业规范（myGap）证书推介礼过后，对记者这么说。

他说，我国养蜂业每年生产133公吨的蜂蜜，政府推出myGap证书，规定蜂蜜产商须获得该证书才能生产蜂蜜产品，确保业者具备与世界竞争的水准。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: Stingless bee honey can go to international | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 2697 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 33,925 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 101,774 |

[redacted]




## 农长：高潜能新财源

# 银蜂蜜可冲向国际

（新山30日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁今天推介2020至2030年国家银蜂蜜业发展蓝图，推介饲养银蜂，作为新的可持续收入来源。

他指出，我国每年共生产313公吨的银蜂蜜，目前有717名企业家参与银蜂饲养行业，具有潜力冲向国际市场。

### 商机待青年发掘

## 业者明年起可申请认证

## 产量赛露锋芒
## 3华裔囊括3组第一名

### 大学生接替家族生意



## 看准银蜂蜜商机



## 科技培植树苗收成快



## 曾10天卖3.1万椰子



## 一天营收5000元







## 特色农产品吸睛

### 现场人潮汹涌

### 见证数农业革新产品





| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Perkasa industri lebah negara | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 12 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 503 cm² |
| Journalist | NUR FARHANA ABDUL MANAN | AdValue | RM 10,664 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,991 |



# Perkasa industri lebah negara

## *MOA lancar Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030*

**NUR FARHANA ABDUL MANAN & ASMALIZA MANSOR**

**JOHOR BAHRU**

Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 adalah usaha dan kesungguhan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi memajukan, menaik taraf dan memperkasakan industri perlebahan negara ke peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pelan itu merupakan dokumen yang dihasilkan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Institut Genom Malaysia (MGI) dan Akademi Kelulut Malaysia (AKM).

Menurutnya, industri kelulut berpotensi memberikan pulangan ekonomi sebanyak RM2.385 bilion setahun pada masa hadapan.

"Sebanyak 99 peratus daripada nilai tersebut disumbangkan oleh aktiviti pendebungaan kelulut dalam sektor pertanian, manakala madu kelulut menyumbang sebanyak RM19.27 juta daripada keseluruhan nilai ekonomi yang mampu dijana oleh industri tersebut.

"Oleh itu, penggiat industri dan pengguna di Malaysia diharap dapat membudayakan amalan pertanian baik ini sama ada dalam aspek pengurusan ladang dan pengeluaran produk mahupun sebagai pilihan produk dalam kalangan pengguna.

"Ia bagi memastikan rakyat Malaysia memperolehi sumber makanan yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan," katanya selepas melancarkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 dan Pensijilan myGAP Pemeliharaan Lebah dan Kelulut di Angsana Johor Bahru Mall di sini semalam.

Salahuddin berkata, pelan pembangunan itu turut melibatkan pemain industri perlebahan yang turut menyumbang secara langsung dan tidak langsung.

Menurutnya, dokumen pelan yang dihasilkan bagi menyokong dan memulihara industri penternakan kelulut untuk jangka masa panjang.

"Ia bagi memastikan industri perlebahan tempatan tidak terpinggir dan dapat ditambah baik dari masa ke masa melalui pelbagai inisiatif yang bakal diketengahkan menerusi pendekatan penternakan kelulut.

"Kementerian mahu memastikan industri ini berada di landasan yang betul dan semua aspek industri kelulut dapat diberi perhatian, sekali gus kebajikan penternak dan usahawan lebah serta kelulut lebih terjamin pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, pelancaran pelan pembangunan dan pensijilan myGAP membuktikan kementerian serius membantu pemain industri dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, kajian yang dijalankan oleh UMT selama 10 tahun membuktikan kelulut memberi sumbangan kepada kesihatan.

"Hasil kajian sebelum ini membuktikan madu kelulut keluaran Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia dan mendapat permintaan tinggi di peringkat antarabangsa.

"Kementerian komited memperkukuhkan lagi bidang ini dengan melancarkan pensijilan myGAP pemeliharaan lebah dan kelulut dengan setiap usahawan yang mahu mengeluarkan produk ini digalakkan mendapatkan pensijilan myGAP terlebih dahulu," katanya.

Katanya, kerajaan mengambil inisiatif memendekkan proses permohonan pensijlan myGAP bagi membantu usahawan terlibat.

---

myGAP dirangka dan dilaksanakan sejak 2002 oleh Jabatan Pertanian untuk mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik bagi mengeluarkan makanan yang selamat dan berkualiti, menjaga keselamatan alam sekitar serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja.

**Elemen pensijilan myGAP pemeliharaan lebah dan kelulut**

- Kebolehkesanan
- Penyimpanan rekod dan audit
- Pemilihan tapak / lokasi
- Pengurusan apiari dan meliponari
- Penuaian
- Pasca tuai
- Pemprosesan
- Pembungkusan
- Penyimpanan
- Analisis
- Kebajikan pekerja
- Pengurusan alam sekitar dan biodiversiti
- Prosedur penarikbalikan

**Keistimewaan kelulut**

- Tidak hanya pada madunya tetapi sebagai sumber agen pendebungaan bagi membantu aktiviti pertanian dalam negara dan secara tidak langsung dapat memperkasakan kembali agen pendebungan semula jadi dalam sektor pertanian.



**Salahuddin (dua dari kanan) menyampaikan buku Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 kepada usahawan lebah kelulut selepas melancarkan pelan tersebut dan Pensijilan myGAP Pemeliharaan Lebah dan Kelulut di Angsana Johor Bahru Mall semalam.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA launches National Kelulut Honey Devt Plan | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 285 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 795 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,385 |





**Salahuddin (second, right) presenting the National Kelulut Honey Industry Plan book to Salim (second, left) at the launching ceremony yesterday. - Bernama photo**

# MOA launches National Kelulut Honey Devt Plan

**JOHOR BAHRU:** The National Kelulut Honey Industry Plan 2020-2030 was yesterday launched to introduce kelulut beekeeping as a new source of sustainable income.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said as of yesterday, there are 717 entrepreneurs involved in the kelulut beekeping industry throughout the country and the plan is expected to assist farmers to rake in high income by looking at the world market.

He said, the plan was drafted with the cooperation of the Agriculture Department with experts from the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Malaysia Genome Institute (MGI) and the Akademi Kelulut Malaysia (AKM) as well as industry players.

"We (government) are focusing on the development of the kelulut honey industry and to prove our seriousness we have a 2020-2030 plan to assist players as we see kelulut honey has been proven by scientific research to be good for health.

"As such, it has the business potential and opportunities for the people especially the younger generation," he told reporters after launching the plan and myGAP certification on kelulut beekeeping at Pentas Budaya & Senitani in Plaza Angsana, here yesterday.

Also present at the ceremony were the ministry's deputy secretary-general (Development), Datuk Salim Parlan as well as deputy secretary-general (Policy) Datuk Haslina Abdul Hamid.

Salahuddin said the kelulut beekeeping industry produces 133 tonnes of honey annually, and to ensure industry players are competitive abroad, the government has also introduce myGAP (Malaysian Good Agricultural Practice) certification for each product from the group of entrepreneurs.

"Each entrepreneur who wants to produce the honey needs to obtain myGAP certification. It is very important and the most basic to ensure food safety and ensure the agricultural product adhere to world standards."

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA perkasa industri lebah negara | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# MOA perkasa industri lebah negara

Salahuddin (dua dari kanan) menyampaikan buku Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 kepada usahawan lebah kelulut selepas melancarkan pelan tersebut dan Pensijilan myGAP Pemeliharaan Lebah dan Kelulut di Angsana Johor Bahru Mall semalam. -Fo...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Stingless bee honey has massive business potential | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 457 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,015 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,044 |




## 農長：可打入國際市場

# 銀蜂蜜商機潛能大

（新山30日讯）农业及农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育指出，我国的热带雨林环境，让我国拥有世界上最好的花蜜，相信配合商家吸引力的包装，具有很大潜力在未来打入国际市场。

“我国一年共生产313公吨的银蜂蜜，全国养蜂业者则为717人，其中柔佛州、沙巴及砂拉越生产量最大。”

他今日上午为“我国银蜂蜜业2020年至2030年发展蓝图及养蜂业myGAP认证”主持推介仪式后，这么说。

他强调，我国将会专注在银蜂蜜业2020年至2030年发展蓝图，以便更好帮助相关业者，满足市场上蜂蜜需求日益上升的情况。

他指出，马来西亚登嘉楼大学（UMT）教授花费超过10年研究出了，食用银蜂蜜对人体健康的益处。

他希望，吸引更多年轻一辈，加入我国银蜂蜜行业。

另外，沙拉胡丁阿育说，养蜂业者明年1月可开始提交myGAP认证的申请，相关部门也将原本需2年半的申请时间，缩短至3至8个月。

他强调，该认证是为更有效确保农产品的质量及安全，以便满足本地及国际市场的需求。

此外，沙拉胡丁教育也颁发在“我国农产品产量赛”脱颖而出的业者，共21名来自各州的业者代表在3个组别，即水果、蔬菜及经济农作物（Tanaman Kontan）中获奖。

他说，在获奖的银蜂蜜养殖业者中，生产量最多为600个蜜蜂箱，最少为100个蜜蜂箱。

出席者包括农业及农基工业（发展部）副秘书长拿督沙林及农业局主任纳西尔。








■沙林（左起）、沙拉胡丁阿育及纳西尔，为「我国银蜂蜜业2020年至2030年发展蓝图及养蜂业myGAP认证」，主持推介仪式。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Three categories of grand prize for agricultural yield competition | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1364 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 26,906 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 80,718 |





■吹镇市展出在市面上难见的木鳖果和体型较大的柠檬




■全国21名来自农业领域的得奖者，兴奋展示获奖证书，沙拉胡丁阿育（左11）更竖起拇指赞好。

## 農產品產量賽

# 3組首獎種出好蔬果

（霹雳30日讯）3名华裔蔬果种植业者在"我国农产品产量赛（pertandingan hasil-hasil pertanian）"大放异彩，勇夺3个组别的第一名奖项。

### 蔬菜出口到汶萊



■在种植玉蜀黍领域15年的黄俊豪，已经闯出一片天，玉蜀黍出口到世界22个国家。

## 相信銀蜂蜜可進軍中國



■颜国源维持蜂蜜优良品质，代表森州获表扬。

## 展覽最具特色農產品



■展销会上也有教导自制天然润肤乳工作坊



■罗进益栽种的红毛榴梿获评审青睐，夺得水果组第一名。

一范俪婷展示特长角瓜



■吉兰丹的展览摊位展出当地特产紫色番薯

◆市場情報

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Government to promote stingless bee honey industry | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A6 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 346 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,046 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,137 |



# 政府将协助银蜂蜜工业发展

**新山30日讯**｜农业与农基部长拿督斯里沙拉胡丁阿育表示，我国银蜂蜜拥有很大的国内外市场潜能，因此将会通过2020年至2030年银蜂工业发展蓝图协助银蜂工业发展。

他说，目前我国共有717名银蜂养殖业者，一年可生产133公吨银蜂蜜，主要供应国内市场。

他说，我国是热带国家，生产的花蜜可说是世界上最好的，因此我国所生产的银蜂蜜质量较高。

他说，银蜂工业也有很大的商业机会，加上新颖的包装设计，有机会打开国外市场，因此鼓励年轻人加入养蜂行列。

他是今天在全国农民、渔牧及渔民日（HPPNK）展销会上推介2020年至2030年银蜂工业发展蓝图，以及推介蜜蜂与银蜂养殖良好农业规范（MyGAP）证书。出席者包括农业与农基工业部副秘书长沙林蓉兰、农业与农基工业部种植工业、畜牧及渔业组秘书长哈尼莎及农业局总监莫哈末纳西尔。

他表示，从明年起，蜜蜂与银蜂养殖业者可以在申请良好农业规范证书。他说，经过多番努力，此证书申请处理期限已从两年大大缩减至3个月至8个月的时间就能获批。

他说，此证书除了获国内肯定外，也是国际认可的证书，因此每个养殖业者都必须拥有证书。

根据研究显示，银蜂蜜有减压、减重及抗氧化等效果，只需每日清晨空腹饮用少量即可；而我国的银蜂养殖主要是集中在柔佛州、沙巴及砂拉越。



沙拉胡丁阿育（左3）在哈尼莎（左）、沙林蓉兰及莫哈末纳西尔的陪同下推介2020年至2030年银蜂工业发展蓝图。

Powered by: isentia

| Headline | Ribuan pengunjung lawat 350 gerai | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 120,979 |
| Page No | 13 | Readership | 362,937 |
| Language | Malay | ArticleSize | 863 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 33,997 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 101,991 |



PENGUNJUNG melihat lembu sado bernama 'Abu' yang dipamerkan di Laman Ternak sempena HPPNK 2019.


MOHD Azli Abdul Mihat (kiri) bersama isteri, Fifi Norbaizura Mohd Salim dan anak, Nur Adelia Qisya, 7 menunjukkan jus dan aiskrim perisa nenas yang dijual di Agro Niaga.


ORANG ramai tidak melepaskan peluang berkunjung ke ekspo yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall.



# Ribuan pengunjung lawat 350 gerai

**Johor Bahru:** Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 yang masuk hari ketiga penganjurannya semalam, menyaksikan ribuan pengunjung dari segenap lapisan masyarakat tidak melepaskan peluang berkunjung ke ekspo yang berlangsung di Angsana Johor Bahru Mall di sini.

Biarpun hujan di sebelah petang, ia tidak membataskan orang ramai yang hadir berkunjung ke 350 gerai pameran dan jualan yang disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Kepelbagaian pameran dan jualan yang ditawarkan membuatkan pengunjung teruja dan turut menyertai aktiviti disediakan, sekali gus menampakkan minat dan kesedaran rakyat Malaysia terhadap industri pertanian dan asas tani dan menjadikan HPPNK 2019 sebagai medium mendapatkan penerangan yang lebih berkesan.










Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | HPPNK 2019 medan perkenal produk baharu | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 7 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 831 cm² |
| Journalist | Mohamed Farid Noh | AdValue | RM 27,517 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 82,551 |


[redacted]

*Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019*



***Salahuddin melancarkan Cuti-Cuti Peladang 2020** sambil diperhatikan Pengerusi Lembaga LPP, Datuk Mazlan Aliman dan Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim pada HPPNK 2019 di Johor Bahru, semalam.*




***Salahuddin menyampaikan bantuan** bagi Tabung Bencana Tanaman Padi untuk diagihkan kepada tujuh negeri yang dilanda banjir, kemarau dan Taufan Lekima.*

# HPPNK 2019 medan perkenal produk baharu

## LPP lancarkan promosi Cuti-Cuti Peladang 2020, perkenal varieti nanas terbaru

**Oleh Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melancarkan Cuti-Cuti Peladang 2020 bagi memperkenalkan lokasi agro pelancongan yang diusahakan ahli pertubuhan berkenaan dan usahawan peladang seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah itu bukan sahaja Tahun Melawat Malaysia 2020, malah mampu meningkatkan pendapatan usahawan peladang dan negara.

Katanya, terdapat 14 pusat agro pelancongan di seluruh negara yang akan dipromosikan kementerian membabitkan yang berasas warisan agro, peladangan, perniagaan dan pertanian, kulinari selain kesihatan dan kesejahteraan.

"Kita menyasarkan pusat agro pelancongan negara mencatatkan enam juta kemasukan pelancong tahun depan berbanding hanya 1.5 juta pada 2010," katanya ketika melancarkan Perhimpunan Pemimpin Peladang Zon Selatan pada Ekspo Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Ruhaida Mashhor berkata, selain MD2 agensi berkenaan memperkenalkan varieti nanas terbaru negara, iaitu Nanas Keningau Diamond.

Katanya, Nanas Keningau Diamond itu didaftarkan sebagai varieti nanas ke-12 negara dalam Varieti Nanas Kebangsaan sejak Oktober lalu.

"Nanas Keningau Diamond ini adalah nanas eksklusif di kawasan Keningau, Sabah dan ia diusahakan oleh usahawan pertanian ulung negara yang juga dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara, Datuk Yap Yun Fook di ladang seluas 44.51 hektar di sana.

"Keistimewaan Nanas Keningau Diamond ini adalah ia lebih rangup, empulurnya boleh di makan, mudah dikopek kulitnya tanpa perlu buang mata buah selain kurang lidas.

"Harganya di pasaran adalah RM5 sekilogram dan kita menjangkakan dapat mempromosi dan memasarkan nanas ini di Semenanjung pada tahun hadapan," katanya.




***Nanas** Keningau Diamond diperkenalkan di HPPNK 2019.*



***Dari kiri, Ruhaida, Yun Fook** dan Pegawai Perhubungan LPNM, Elmie Adha Ismail menunjukkan Nanas Keningau Diamond di Johor Bahru, semalam.*




***Antara pelbagai produk yang dibuat** daripada nanas pada HPPNK 2019 di Johor Bahru, semalam.*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Panduan ke arah penternakan lebih baik | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 12 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 245 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,194 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,582 |



# Panduan ke arah penternakan lebih baik

**PELAN** Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030 dan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) membantu memberi panduan kepada pengusaha lebah dan kelulut ke arah penternakan yang lebih baik.



WAN AHMAD FUAD

Pengarah Urusan Kasih Hulu Langat Enterprise, Wan Ahmad Fuad Wan Ab Aziz, 60, berkata, dia percaya panduan yang disediakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu boleh dijadikan rujukan kepada pengusaha kelulut sepertinya.

Wan Ahmad Fuad berharap, pelan itu dapat menambah pengetahuannya mengenai prosedur operasi standard (SOP) ternak dan tuai menggunakan kaedah pengamalan yang terbaik.

Beliau yang mengusahakan produk jenama Kelulut Kasih berkata, dia mula bergiat aktif dalam bidang penternakan kelulut sejak tiga tahun lalu yang diusahakan di Batu 17, Dusun Tua Hulu Langat, Selangor.

Menurutnya, bermula dengan 30 sarang kelulut, kini kelulut yang diusahakan mencapai angka 170 sarang.

"Modal untuk memulakan penternakan itu tidak terlalu besar tetapi saya mula dengan jumlah sedikit dulu tanpa sebarang pengetahuan.

"Saya akui mengalami kerugian pada awalnya tetapi lama-kelamaan saya mula belajar. Saya berterima kasih kepada Jabatan Pertanian Daerah Hulu Langat yang beri sokongan bantuan geran sebanyak RM50,000," katanya.

Hasil ketekunannya, Wan Ahmad Fuad kini mampu tersenyum apabila kelulut yang diternak mula mengeluarkan hasil selepas enam bulan diusahakan.

Sementara itu, Dzulfakar Muhamad, 42, yang mengusahakan madu kelulut di bawah jenama MS Bee Alley atau Lembah Kelulut Malaya di Hutan Lipur Lenggeng sejak 2014 berkata, potensi bidang perusahaan madu kelulut amat besar.

Namun katanya, perlu ada pemahaman yang menyeluruh jika berminat menceburi bidang berkenaan.

"Mulakan dengan satu sarang terlebih dahulu, jangan terus bermula dalam kuantiti yang besar.

"Bila sudah faham bagaimana untuk kendalikan lebah, minat akan datang dengan sendiri," katanya.

Menurutnya, selain fokus dengan perusahaannya itu, dia turut memberi tumpuan kepada biodiversiti khususnya usaha-usaha memastikan lebah tidak pupus.

Sementara itu, Hidayat Shafie, 31, yang mewakili Persatuan Usahawan Lebah Kelulut Johor berkata, pihaknya giat mengadakan taklimat, latihan, pameran dan kelas percuma kepada pihak yang berminat mahu menceburi madu kelulut.

Katanya, modal permulaan sekitar RM400 sehingga RM500 untuk satu sarang dan perusahaan madu kelulut mampu memberikan pulangan hampir setiap bulan.

"Saya harap pasaran madu kelulut akan menjadi lebih baik. Orang ramai khususnya belia digalakkan menceburi perusahaan ini kerana potensinya yang luas," katanya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PERTANIAN 4.0 | | |
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 120,979 |
| Page No | 12 | Readership | 362,937 |
| Language | Malay | ArticleSize | 867 cm² |
| Journalist | Izlaily Nurul Ain Hussein | AdValue | RM 34,155 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 102,464 |




JENTERA baharu untuk menuai padi beraliran paksi CASEIH AF4077 yang dipamerkan di Laman Mekanisasi dan Automasi sempena HPPNK 2019 di Padang A, Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru.

# PERTANIAN 4.0

## *DOA bantu hasilkan pengeluaran tinggi, MARDI selesai isu pertanian*


**Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein**
izlaily@hmetro.com.my


**Johor Bahru**

Menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) membantu golongan usahawan di negara ini.

Ke arah itu, kementerian itu terus mengorak langkah ke hadapan dengan menyuntik teknologi baharu ke dalam sektor pertanian yang kian berkembang pesat.

Bagi Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), teknologi masa kini tidak boleh dipandang enteng walaupun dalam bidang pertanian yang biasanya dikaitkan dengan perusahaan kampung.

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Pengembangan) DOA, Datin Jatil Allah Timin berkata, peranan dron yang selari dengan teknologi masa kini umpamanya, membantu dalam pemantauan hasil pertanian selain kaedah 'soil profiling' dan pertanian bandar.

Katanya, dalam kemajuan teknologi masa kini, peranan dron digunakan dan pihaknya turut mengetengahkan 'soil profiling' yang membantu mengkhususkan kegunaan baja atau sebagainya berdasarkan jenis tanah yang sesuai.

"Ia perlu memandangkan kita tahu setiap tanah itu mempunyai kandungan nutrien berbeza dan perlu diselaraskan dengan penggunaan baja.

"Antara lain teknologi ini amat membantu dalam usaha meningkatkan pengeluaran sesuatu produk bagi mana-mana petani atau peladang.

"Begitu juga dengan pertanian bandar yang boleh menjana pendapatan dan menjimatkan perbelanjaan mereka yang tinggal di bandar dengan kos sara hidup yang tinggi," katanya ketika ditemui sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Angsana Johor Bahru Mall di sini, semalam.

Di HPPNK 2019, DOA membawakan pelbagai pameran di kluster pengelolaan mereka dan sedia memberi penerangan dan menjalankan kempen sebagai tanda memberi kesedaran dan mengajak golongan muda menceburi bidang pertanian.



JATIL menunjukkan kaedah pertanian hidroponik yang dipamerkan.



PENGUNJUNG melihat nangka madu yang dipamerkan di Pameran Pertandingan Hasil Pertanian sempena HPPNK 2019 di Padang A, Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pula banyak menggunakan teknologi masa kini dalam usaha menyelesaikan pelbagai isu dialami pengusaha dalam bidang pertanian.

Antaranya, pembinaan Kilang Tanaman di MARDI, Serdang, penghasilan Padi Kadaria yang juga padi hibrid pertama di Malaysia di Kelantan, pembuatan lemang menggunakan ketuhar dan silinder, selain penggunaan jentera baru menuai padi dan pengubahsuaian traktor bagi penanaman nanas di tanah gambut.

Kilang tanaman yang boleh menghasilkan produk sayuran bernilai tinggi dengan mengetengahkan penggunaan cahaya lampu dan warnanya yang membawa peranan tersendiri sekali gus menamatkan masalah penggunaan tenaga kerja yang ramai, penggunaan tanah selain pemantauan yang lebih mudah dibuat menerusi telefon bimbit dengan aplikasi Internet Of Things (IoT).

Di Kelantan pula, teknologi penghasilan Padi Kadaria membantu meningkatkan hasil pengeluaran antara 15 hingga 20 peratus bagi setiap hektar sekali gus membantu pengusaha padi di negeri itu mendapat hasil yang tinggi berbanding terdahulu apabila berdepan masalah kawasan tidak sesuai akibat cuaca panas.

Pada masa sama, penggunaan ketuhar dan silinder lemang yang dihasilkan MARDI dan sudah digunakan oleh 10 usahawan seluruh negara ini dapat menyelesaikan isu kesukaran usahawan mendapatkan buluh, masalah panas dan berasap yang boleh mencemarkan alam sekitar dan tidak menggunakan ruang memasak yang luas dan terbuka, selain lemang dapat dimasak secara seragam.

Begitu juga dengan pengenalan jentera menuai padi yang baharu beraliran paksi, CASEIH AF4077 mampu meleraikan padi dengan lebih efektif dan mengurangkan kehilangan padi selepas dituai serta traktor yang diubah suai bagi penanaman nanas di tanah gambut dipanggil traktor trek berkelegaan tinggi.




Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Some 200kg bombed fish seized from Safma Market | | |
| MediaTitle | The Sunday Post (Kuching) | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 65,012 |
| Page No | 10 | Readership | 195,036 |
| Language | English | ArticleSize | 220 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 9,000 |





MOF and Fisheries Department officers inspect some fish on sale at the Safma market.

# Some 200kg bombed fish seized from Safma Market

**KOTA KINABALU:** About 200 kilogrammes of fish were seized from the Safma Market, here by the Marine Operations Force (MOF) when it was found that explosives had been used to catch the fish.

Marine Operations Force commander ACP Mohamad Pajeri Ali said the integrated operation with the Fisheries Department was carried out at the Safma fish market in the state capital at 6pm on Friday.

"Ten fish stalls were inspected and we managed to seize about 200kg of fish that were believed caught by using fish bombs," he said.

Pajeri said the confiscated fish, valued at RM4,200, were brought back to the MOF headquarters for further investigation.

The objective of the operation, said Pajeri, was to curb fish bombing activities from taking place in the waters of Sabah.

"By stopping the sales of bombed fish, we are able to deter suspected fishermen from using this illegal method, which is not only dangerous to be consumed by the public, but also to preserve our marine ecosystem," he said

He said the case would be investigated under Section 26(1)(c) of the Fishery Act 1985, which carries a maximum fine of RM20,000 or two-year jail term and both upon conviction.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PROMOSI LAPAN SPESIES IKAN | | |
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 01 Dec 2019 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 120,979 |
| Page No | 11 | Readership | 362,937 |
| Language | Malay | ArticleSize | 517 cm² |
| Journalist | Mohamad Hussin | AdValue | RM 20,367 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 61,100 |



# PROMOSI LAPAN SPESIES IKAN

*Program Qfish pasar ikan segar beku pada harga maksimum RM10 sekilogram*

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Kerajaan memperkenalkan program QFish sebagai langkah menstabilkan harga dan bekalan ikan negara serta mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, QFish ikan segardibekukan menggunakan teknologi pembekuan pantas individu (IQF).

"Lapan spesies ikan kegemaran rakyat dipilih iaitu ikan kembung, selar, pelaling, selayang, cencaru, tilapia, keli dan aya atau tongkol dengan harga jualan maksimum RM10 sekilogram.

"Program ini bertujuan membantu menstabilkan bekalan dan harga ikan dalam mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup rakyat.

"Selain harga murah, ia bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat menerusi pemakanan ikan sebagai sumber protein utama dalam diet pemakanan harian masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pelancaran logo baru QFish sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Pavilion MySeafood, di sini, semalam.






HASLINA (tengah) menunjukkan produk keluaran QFish.

TIMBALAN KSU Pembangunan MOA, Datuk Salim Parlan (empat dari kiri) melakukan gimik ketika majlis pelancaran logo baharu QFish.

Majlis pelancaran disempurnakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) Datuk Haslina Abdul Hamid.

Hadir sama, Ketua Pengarah LKIM Jamaludin Othman, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) LKIM Raja Kahalid Raja Ariffin dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM Untong Keri.

> *Program ini bertujuan membantu menstabilkan bekalan dan harga ikan dalam mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup rakyat"*
>
> **Muhammad Faiz**

Muhammad Faiz berkata, sebelum dijenamakan semula QFish ia dikenali sebagai Ikan Rakyat yang diperkenalkan pada 2013.

"Sejajar dengan penjenamaan semula Program Ikan Rakyat kepada Program Q'Fish, logo Q'Fish diperkenalkan pada 2016.

"Strategi LKIM dalam mengukuhkan dan membina kepercayaan terhadap jenama ikan segar beku QFish selain memupuk kesedaran kepada masyarakat.

"Kita berusaha memperolehi Cap Dagang untuk jenama QFish. Tahun ini adalah detik bersejarah kepada LKIM kerana Cap Dagang QFish diterima sebagai cap dagangan berdaftar di Malaysia," katanya.

Menurutnya, logo QFish baru diubah suai bagi memenuhi pendaftaran Cap Dagang.

"Ia didaftarkan sebagai Cap Dagang pada 3 Julai lalu melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia," katanya.